
Naib Canselor UUM Profesor Dr. Mohamed Mustafa Ishak (lima dari kiri) bergambar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan

UUM ONLINE: Pihak Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak melupakan jasa pensyarah yang sedang melanjutkan pengajian dalam Bidang Doktor Falsafah, Allahyarhamah Nor Asma Othman, 39 yang meninggal dunia pada 30 Ogos lalu akibat penyakit barah paru-paru.

Keluarga Allahyarhamah yang diwakili oleh suaminya, Mejar Salmi Istikh Ahmad dan empat anak lelaki Muhammad Aqel 13, Muhammad Irfan 12, Muhammad Sharofee, 6, dan Muhammad Ihsan, 3, menerima sumbangan RM2,000 daripada wang zakat, RM500 bantuan khas kewangan daripada kerajaan dan RM1,000 daripada Persatuan Kakitangan Akademik UUM (PERSATU).

Majlis sumbangan itu, disempurnakan oleh Naib Canselor UUM Profesor Dr. Mohamed Mustafa Ishak di majlis ringkas di pejabatnya.

Menurut Profesor Dr. Mohamed Mustafa walaupun Allahyarhamah telah kembali kerahmatullah namun jasa dan kesungguhannya untuk menuntut ilmu amat dihargai oleh UUM.

Beliau berkata, Allahyarhamah yang mengidap barah paru-paru mendapat rawatan di Wad ICU Memorial Hospital of Carbondale, Amerika Syarikat dan telah dimaklumkan oleh Jabatan Penuntut Malaysia di Chicago pada 9 Jun lalu.

Selepas pulang ke tanah air pada 23 Ogos lalu beliau mendapat rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan meninggal dunia pada 30 Ogos lalu.

Sementara itu, suaminya Mejar Salmi Istikh Ahmad ketika ditemui melahirkan rasa terharu dan penghargaan kepada pihak UUM kerana menyampaikan sumbangan itu dan akan menggunakannya untuk pendidikan anak-anak.